

**NALURI KEMASYARAKATAN DALAM PENCIPTAAN KUMPULAN  
CERPEN SONG OF SEPTEMBER KARYA MALIM GHOZALI PK.  
THE INSTINCT OF SOCIETY IN CREATING SHORT STORY TITLED  
“SONG OF SEPTEMBER” BY MALIM GHOZALI PK**

*Ghazali Din*

Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu

Fakulti Bahasa dan Komunikasi

Universiti Pendidikan Sultan Idris,

Tanjung Malim, Perak.

emel: ghazali\_din@fbk.upsi.edu.my

**ABSTRAK**

Pengarang kreatif, Malim Ghozali Pk terkenal dalam genre cerpen dan novel yang kebanyakan ideanya terhasil semasa mengembara di luar negara. Sumbangannya diiktiraf hingga pernah menerima Anugerah SEA Write Award dari kerajaan Thailand. Bagaimanapun, karya kreatif Malim Ghozali Pk tidak diberi perhatian oleh mana-mana pengkaji untuk dianalisis secara ilmiah. Justeru, situasi ini menjadi permasalahan yang mendorong kepada kajian ini dibuat dan menggunakan Teori Sastera Perjalanan atau Pengembalaan dan Model Proses Kreatif Teksnaluri. Kajian ini bertujuan mengkaji naluri kemasyarakatan disebabkan pengembalaan yang mendorong pengarang Malim Ghozali PK menghasilkan cerpen dalam *Kumpulan Cerpen Songs of September*. Kumpulan cerpen ini mengandungi 20 buah cerpen, namun hanya enam sahaja cerpen dianalisis. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, iaitu kajian kepustakaan dan analisis teks melalui Teori Sastera

Perjalanan atau Pengembawaan dan naluri kemasyarakatan berdasarkan Model Proses Kreatif Teksnaluri. Hasil dapatkan kajian menunjukkan bahawa Malim Ghazali Pk adalah seorang pengarang kreatif yang memaparkan naluri kemasyarakatan dalam menghasilkan cerpen melalui pengalaman yang diperolehnya ketika melakukan pengembawaan. Cerpen yang bertajuk "Aku diSini, Sayang", "I!", "Tika Hujan di Bogor", "Di Kantor Suryadi", "Nyet" dan "Song Of September" menjadi fokus utama pengkaji untuk mencungkil naluri kemasyarakatan pengarang Malim Ghazali PK. Secara keseluruhannya, boleh dikatakan bahawa cerpen Malim Ghazali PK ini mencerminkan kehidupan yang pernah dilalui ketika pengarang melakukan pengembawaan di luar negara.

Kata Kunci: Naluri, Kemasyarakatan, Penciptaan, Cerpen

## **ABSTRACT**

*The creative author, Malim Ghazali Pk which is well known in genre of short stories and novels created during his journey to other countries. The contribution has been recognized as he received the SEA Write Award from the government of Thailand. However, the creative writing of Malim Ghazali Pk are not catching any attention to any researcher for academic purpose. Thus, this situation become a problems that driven to the author Malim Ghazali PK to create a short stories in "Songs of September". These short stories contained 20 short stories, however there are only six has been analyzed. This research will use the qualitative type of method, which is the library research and analyzing texts through the Theory Journey or Adventure of Literature and society instinct based on the Model of Process Creative Instinctive Text. The findings of this study indicates that Malim Ghazali Pk is the creative author that shows his society instinct in creating the short stories based on his past experience that he gain during his journey. The short story*

*entitled "Aku di Sini Sayang", "Tika Hujan di Bogor", Di Kantor Suryadi", "Nyet" dan "Song Of September" become the main focus for the researcher to find the society instinct in Malim Ghazali Pk himself. All in all, it can be said that the short stories of Malim Ghazali PK reflecting his life during the journey to other countries.*

*Keywords: Instinct, Society, Creating, Short Stories*

## PENGENALAN

Proses kreatif setiap pengarang adalah perjalanan masa penciptaan karyanya dari awal memperoleh idea, menulis, semakan sehingga kepada peringkat penerbitan seterusnya dibaca oleh khalayak pembaca. Pengarang menghasilkan karya dengan sumbernya daripada pengalaman hidup bersama persekitarannya yang mempunyai elemen kemasyarakatan. Pengarang juga sebahagian daripada makhluk sosial yang sensitif dengan apa yang berlaku di sekelilingnya dan akhirnya menjadi inspirasi dalam berkarya. Pengarang ialah manusia yang paling berpengaruh yang memiliki karisma sehingga apa-apa yang dihasilkannya mempengaruhi pemikiran dan menguasai jiwa masyarakatnya (Mana Sikana, 2013: 261). Pengaruh aspek kemasyarakatan mendorong dan menggerakkan naluri seorang pengarang untuk mengungkapkannya dalam bentuk karya kreatif termasuklah novel. Sifat semulajadi dan fitrah lahir bersama manusia termasuk pengarang dan naluri seorang pengarang tetap utuh ingin orang lain memahami makna teksnya kerana pengarang bersifat penyampai (Ghazali Din *et.al*, 2015:185)

Kajian ini memberi fokus terhadap cerpen-cerpen yang terkandung dalam *Kumpulan Cerpen Song of September* karya penulis Malim Ghazali Pk atau nama sebenarnya Mohamed Ghazali bin Haji Abdul Rashid. Dalam buku *Kumpulan Cerpen Song of September* (ITBM, 2017) dinyatakan bahawa Malim Ghazali Pk antara pengarang Malaysia yang dianggap penting

mutakhir ini. Penerima anugerah SEA Write Award tahun 2013 mengukir nama dalam dunia kepengarangannya khasnya dalam penciptaan cerpen dan novel. Kajian memperhalusi aspek kemasyarakatan yang menyentuh naluri pengarang hingga menumbuhkan inspirasi mencipta. Pengarang kelahiran Kampung Malim Nawar, Perak pada 4 Mac 1949 ini mendapat pendidikan awal di Sekolah Menengah Anderson, Ipoh, Perak sebelum melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian Kelas II Atas) dalam bidang Pengajian Melayu/Antropologi Sosial di Universiti Malaya pada tahun 1973.

Dalam bukunya *Kumpulan Cerpen Song of September* (ITBM, 2017) Malim Ghozali Pk dinyatakan bahawa Malim Ghozali Pk menguasai genre sastera seperti novel, cerpen, puisi, dan eseи, namun beliau mendominasi penciptaan novel dan cerpen. Pernah memenangi Hadiah Sastera Perdana Malaysia, Hadiah Sastera Utusan-ExxonMobil, Hadiah Sastera Kumpulan Utusan – Public Bank, Hadiah Sastera Berita Publications dan Hadiah Sayembara ESSO-GAPENA V. Kumpulan cerpennya yang pertama berjudul *Usia* (2006) diikuti *Ini Chow Kit Road, Sudilah Mampir!* (2008). Cerpennya “Sepanjang Lorong Mimpiku” (*Dewan Budaya*) memenangi Hadiah Sastera Perdana Malaysia 2010/2011 (*Kumpulan Cerpen Song of September*, ITBM, 2017).

Novelnya *Redang* memenangi Hadiah Sastera Malaysia 1984/1985 melalui cerpen “Redang”, manakala Hadiah Sastera Malaysia 1986/1987 dimenanginya menerusi cerpen “Sayang Ottawa Sungainya Sejuk” dan puisinya “Musim Mencari Kristal” pula meraih kememnangan sempena Hadiah Sastera Malaysia 1988/1989. Novelnya *Janji Paramaribo* (DBP, 1989) adalah novel yang mengangkat nama Malim Ghozali Pk selain *Redang* (1990). *Daun* memenangi Hadiah Sastera Perdana Malaysia 2008/2009. Novel *Janji Paramaribo* pernah diterjemahkan dalam bahasa Inggeris dengan tajuk *Promises of*

*Paramaribo* oleh Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM).

Sejak tahun 2010 Setiap tahun Malim Ghazali Pk bersama Kerajaan Negeri Perak berjaya menggerakkan Festival Puisi dan Lagu Rakyat Antarabangsa Pangkor (Ghazali Din, 2013, hlm. 220). Malim Ghazali Pk pernah mengikuti program Fellowship Penulisan Kreatif di Virginia Centre For Creative Artistes, Virginia, Amerika Syarikat pada tahun 1989 dan pada tahun 2007 menyertai program Penulisan Antarabangsa IOWA di University of IOWA, Amerika Syarikat. *Kumpulan Cerpen Song of September* antara karyanya yang terbaru dan dilihat mempunyai nilai nostalgia yang terkesan oleh perjalanan dan pengalaman kehidupan pengarang (Malim Ghazali Pk, 2017:242). Naluri kemasyarakatan adalah aspek yang mendorong kepada proses penciptaan sesebuah karya. Justeru, hal ini menjadi landasan kepada kajian ini.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Analisis dilakukan untuk melihat secara khusus naluri kemasyarakatan yang terdapat dalam *Kumpulan Cerpen Song of September* yang ditulis oleh Malim Ghazali PK. Analisis ini dilakukan disebabkan beberapa faktor. Malim Ghazali Pk, penulis yang juga penerima anugerah S.E.A Write Award pada 2013 ini mengetengahkan kisah-kisah bersifat eksperimental dan nukilan pengalamannya sebagai karyawan yang banyak mengembara. Dalam bukunya *Cerpen Song of September'*, Malim Ghazali Pk mempersembahkan isu dan fenomena dalam masyarakat, sama ada peristiwa tersebut berlaku di negara ini atau dialami semasa pengembawaan.

Cerpen-cerpen yang terkandung dalam '*Kumpulan Cerpen Song Of September'* merupakan karya yang telah merentasi tempoh tiga dekad antara tahun 1984 sehingga 2014. Cerpen-cerpen ini juga adalah hasil penerokaan penulis tentang segenap sudut kehidupan hasil pengalaman sendiri.

Penggunaan imaginasi, persepsi, sensitiviti serta pengalaman hidup membolehkan Malim Ghozali PK ini menghasilkan cerpen-cerpen yang bermutu tinggi terutamanya dalam mempamerkan naluri kemasyarakatannya. Hal ini demikian kerana beliau bukan sahaja mempamerkan 20 buah cerpen yang meliputi pelbagai subjek dan watak seperti gambaran watak orang biasa yang di pinggirkan dan yang terasing malahan Malim Ghozali PK juga menggambarkan watak pelaut, tukang kasut, yang kurang siuman, hingga kepada menteri, raja atau guru agama, kecenderungan ke arah kemanusiaan sejagat. Hal ini menunjukkan bahawa Malim Ghozali PK telah mencantumkan perca-perca daripada celah-celah kehidupan manusia sama ada mereka profesor atau pegawai daerah, gelandangan atau komuniti LGBT. Kesemuanya cerpen-cerpen Malim Ghozali PK memancarkan pengalaman-pengalaman bertujuan sebagai peringatan kepada generasi masa kini terutama berkaitan isu-isu yang menampilkan warna-warna di koridor sejarah (Malim Ghozali PK, 2017).


Tinjauan mendapati, tidak terdapat kajian sebelum ini yang dilakukan berdasarkan Teori Perjalanan terhadap '*Kumpulan Cerpen Song of September*'. Oleh itu, pengkaji menggunakan Teori Sastera Perjalanan atau Pengembaraan dalam menganalisis dari aspek pengaruh naluri kemasyarakatan Malim Ghozali PK dalam cerpen-cepen yang terdapat dalam bukunya yang bertajuk '*Kumpulan Cerpen Song of September*'.

## METODOLOGI KAJIAN

Analisis ini menggunakan Teori Sastera Perjalanan atau Pengembaraan ini adalah untuk melihat dan menganalisis jalinan peristiwa dan lukisan tentang perjalanan dan tempat yang dilawati. Lebih-lebih lagi menganalisis dari aspek keistimewaan dan luar biasa yang terdapat dalam cerpen-cerpen tersebut. Namun, daripada lakaran cerita itu pengkaji

bukan sahaja meneliti aspek pengalaman yang luar biasa yang dialami oleh pengarang, tetapi lebih mengfokuskan kepada naluri kemasyarakatan yang dipaparkan oleh Malim Ghozali PK dalam cerpen-cerpen yang dihasilkan oleh beliau.

Manakala naluri kemasyarakatan adalah salah satu daripada tujuh unsur naluri yang dikemukakan oleh Ghazali Din (2016) menerusi kajian “Kepengarangan Muhammad Haji Salleh Berdasarkan Model Proses Kreatif Teksnaluri” seperti rajah 1cdi bawah:



Rajah 1 : Model Proses Kreatif Teksnaluri

Tujuh naluri yang terdapat dalam Model Proses Kreatif Teksnaluri adalah Naluri Kealaman, Naluri Keindividualan, Naluri Keindahan, Naluri Keintelektualan, Naluri Kemasyarakatan, Naluri Kemanusiaan, Naluri Kerohanian serta Naluri Keindahan. Naluri Kemasyarakatan membawa maksud

pengarang mencipta sesebuah karya kreatif berdasarkan naluri kemasyarakatan yang terbina dalam dirinya sehingga menggerakkan penceritaan dalam karyanya yang memiliki elemen kemasyarakatan. Persoalan dan tema kemasyarakatan wujud disebabkan oleh pengaruh naluri ini. Naluri kemasyarakatan turut dipengaruhi persekitaran yang muncul daripada perjalanan dan pengembalaan. Masyarakat adalah kumpulan manusia yang hidup bersama (di sesuatu tempat dengan aturan dan cara tertentu), serta pergaulan hidup, manakala kemasyarakatan mencerminkan keadaan masyarakat atau yang berkaitan dengan masyarakat.

Tema kemasyarakatan di lihat ideal dan menepati kehendak peredaran masa yang berubah dan relevan pada semua zaman kerana hidup secara bermasyarakat adalah hal dalaman diri manusia yang bersifat fitrah. Matlamat kepengarangan antaranya ingin menyampaikan perasaan pengarang. Naluri seorang pengarang bergerak atas rasa tanggungjawab sesama manusia. Persoalan kemasyarakatan adalah salah satu sisi yang sebatи dan akrab dengan mana-mana pengarang. Hakikatnya, persoalan kemasyarakatan relevan dengan iltizam pengarang untuk membina naratif dalam kelompok sesebuah masyarakat. Mengikut Teori Marx, penciptaan karya sastera dipengaruhi oleh sosiobudaya pengarang itu sendiri. Oleh hal yang demikian, peristiwa yang berlaku dalam masyarakat akan menjadi inti pati serta sumber idea pengarang mencipta sesebuah karya sastera. Naluri kemasyarakatan muncul disebabkan pengalaman pengarang dalam realiti masyarakat.

Signifikan kajian ini menggunakan Teori Sastera Perjalanan dan Pengembalaan bertitik tolak kerana Malim Ghozali PK terkenal dalam penciptaan cerpen-cerpen yang terhasil daripada penerokaan dan pengalaman sendiri yang bukan sahaja di dalam negara. Keadaan ini amat bersesuai bagi menganalisis naluri kemasyarakatan pengarang di dalam cerpen-cerpennya. Teori Sastera Perjalanan dan

Pengembaraan ini bersifat interdisiplin dengan memberikan fokus kepada diversiti budaya, globalisasi dan migrasi serta kisah pengembaraan yang biasanya tertumpu kepada perjalanan watak dan penceritaan berdasarkan pengalaman dan penemuan-penemuan baharu (Mana Sikana, 2013). Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan dianalisis secara deskriptif. Analisis teks yang dikaji adalah enam buah cerpen daripada buku *Kumpulan Cerpen Song of September* karya Malim Ghazali Pk sebagai sumber data utama serta dokument-dokumen sokongan lain bagi melengkapkan kajian. Data yang dikumpul akan dianalisis oleh pengkaji dengan menggunakan Teori Sastera Perjalanan atau Pengambaran. Data cerpen yang dianalisis adalah cerpen-cerpen yang bertajuk "Aku diSini, Sayang", "I!", "Tika Hujan di Bogor", "Di Kantor Suryadi", "Nyet" dan "Song Of September". Cerpen-cerpen ini dipilih dan dikaji kerana memiliki kriteria yang menepati kajian berkaitan Teori Sastera Perjalanan atau Pengembaraan dan dorongan naluri kemasyarakatannya. Cerpen-cerpen pilihan ini terhasil selepas pengembaraan yang dilakukan oleh pengarang.

Teori Perjalanan dipilih disebabkan pengarangnya menghasilkan cerita bercorak perjalanan. Terdapat daya cipta pengarang dengan aksi pengembaraan yang menggambarkan perjalanan pengarang dari suatu tempat ke suatu tempat. Dalam perjalanan itu terdapat pula penceritaan yang dikaitkan dengan kemasyarakatan yang terpancar pada tindakan watak, plot dan latar.

Mana Sikana (2013) menyatakan Teori Sastera Perjalanan/Pengembaraan muncul akibat iklim intelektual, kesan dunia pascamoden serta globalisasi yang berlaku. Senario dunia tanpa sempadan dan hubungan manusia pantas berlaku serta mendorong manusia melakukan perjalanan, pengembaraan dan ziarah berikutan kemudahan komunikasi dan pengangkutan. Perjalanan atau pengembaraan menyebabkan berlaku penemuan-penemuan sosial seperti latar tempat dan budaya yang berbeza berbanding

persekitaran kehidupan pengarang. Perjalanan bukan sahaja bersifat melancang tetapi dapat meningkatkan pengalaman dan intelektual malahan menajamkan pemikiran.

Teks pengembalaan dikatakan bermula sekian lama dan Barat mengakui citra perjalanan dimulai oleh Ibn Jubayr (1145-1214) dan Ibn Batutah (1304-1377) yang merekodkan perjalanan mereka merentasi dunia secara terperinci (Mana Sikana, 2013, pg. 64). Hal ini memberi peluang kepada Barat membentuk sastera perjalanan yang akhirnya membina kaedah teks pengembalaan sama ada berbentuk faktual atau fiktional. Teori Sastera Perjalanan/Pengembalaan mula dibentuk di Barat sekitar 1990-an seterusnya membentuk “Kritikan Sastera Perjalanan”.

Teori Sastera Perjalanan dikatakan mendapat kesan daripada pemikiran golongan *fourcauldian criticism* dan teori Edward Said tentang pascakolonial menerusi bukunya *Orientalism*. Seterusnya pada tahun 1991, Dennis Porter menulis *Haunted Journeys: Desire and Transgression in European Travel Writing* yang mencitrakan hubungan *psychological correlatives of travel* (Mana Sikana, 2013, hlm. 64-65). Perjalanan pengarang menjadi sumber idea dan inspirasi kepada pengarang untuk mencipta dan membina naratif menerusi kisah yang ditemuinya.

### **Naluri Kemasyarakatan Dan Pengaruh Perjalanan Dalam Penciptaan Cerpen**

Pengarang sentiasa berada dalam kelompok masyarakat dan akan bergerak kepada kelompok yang mungkin berbeza sama ada di dalam maupun di luar negara. Malim Ghazali Pk yang menjadi subjek kajian ini menerusi *Kumpulan Cerpen Song of September* adalah pengarang kreatif yang gemar mengembala atau berada di luar negara. Negara-negara yang dilawati berbeza budayanya berbanding budaya dan cara kehidupan pengarang sendiri. Pelbagai budaya masyarakat mendorong

berlakunya mobiliti serta pergerakan masyarakat dari sesuatu sesuatu kawasan ke kawasan yang lain. Perjalanan individu dalam masyarakat menyebabkan berlaku pertemuan dengan kelompok masyarakat yang memiliki budaya yang asing berbanding budaya di tempat asal seseorang individu terbabit.

Dalam karya kreatif sama cerpen atau novel, elemen perjalanan dan pengembalaan memberi inspirasi kepada pengarang untuk membina penceritaannya. Terdapat pelbagai nilai wujud dalam masyarakat rasa berkasih-kasihan sesama masyarakat, nilai kesyukuran, nilai kasih sayang, hormat-menghormati yang memupuk keharmonian.

*Kumpulan Cerpen Song of September* menampilkan pelbagai kisah masyarakat yang menyentuh naluri kemasyarakatan pengarang yang ditemuinya ketika melakukan perjalanan dan pengembalaan. Naluri kemasyarakatan wujud kerana manusia tidak dapat hidup berseorangan. Individu manusia bersifat unik dan mempunyai kemahuan dan kemampuan yang berbeza. Oleh itu untuk mengembangkan kemampuan dan memenuhi kemahuan, seseorang individu tidak dapat melakukannya secara bersendirian, tetapi memerlukan orang lain. Justeru, manusia perlu hidup secara berkelompok membentuk masyarakat. Naluri bermasyarakat mendorong wujudnya naluri kemasyarakatan untuk dijadikan pengarang kreatif sebagai landasan berkarya (Mana Sikana, 2013). Kajian ini menganalisis enam buah cerpen berlandaskan naluri kemasyarakatan berdasarkan Teori Perjalanan dan Pengembalaan.

### **Cerpen “Aku di Sini, Sayang”**

Naluri kemasyarakatan yang bergabung dengan pengaruh perjalanan /pengembalaan mendasari proses penciptaan cerpen “Aku di Sini, Sayang” selain wujud elemen perjalanan yang dibuktikan menerusi watak Duah yang meninggalkan kampung halamannya untuk melanjutkankan pengajian. Latar

Paddington menuju Lapangan Terbang Heathrow serta Istanbul yang dilalui Duah dikaitkan dengan aktiviti perjalanan. Dalam penerbangan untuk pulang ke kampung yang dirindunya, Duah melayangkan ingatan kepada kekasih sekampungnya, Hayati. Cerpen ini mengemukakan persoalan persahabatan, percintaan dan hubungan manusia sebagai memenuhi tuntutan naluri kemasyarakatan yang diwakili watak Duah, Tengku Fauziah dan Hayati.

Naluri kemasyarakatan juga wujud menerusi keinginan dan kemanusiaan Duah untuk membantu ahli keluarga yang mengambil keputusan untuk pulang ke kampung halaman selepas tamat pengajiannya selama empat tahun di luar negara. Duah bertindak sedemikian kerana, dia terpaksa pulang untuk bekerja dan mencari wang bagi membantu bapanya di kampung. Duah sanggup melepaskan tawaran menyambung pengajian peringkat sarjananya kerana dianggap tidak perlu dan bertekad untuk pulang ke kampung untuk berbakti kepada keluarganya. Naluri kemasyarakatan ini menerusi watak Duah dibuktikan menerusi petikan;

“Aku perlu balik, bekerja dan cari wang. Itu lebih penting bagiku sekarang. Aku punya keluarga besar. Aku perlu membantu bapaku, pada tahap ini aku rasakan sarjana itu belum perlu” (Malim Ghazali Pk, 2017: 2)

Seterusnya naluri kemasyarakatan dapat dilihat apabila watak Duah menyatakan hasrat dan memilih untuk mengahwini Hayati. Hal ini kerana Duah merasakan Hayati cukup sempurna untuk mendidik anak-anak mereka kelak. Hayati digambarkan seorang anak kampung yang sopan, pemalu dan warak. Duah juga merasakan akan mengecapi kebahagiaan apabila impian beliau untuk berkahwin dengan Hayati tercapai sepertimana pada petikan:

“Keputusan yang bergantung di hujung benakku sekian lamanya terisytihar juga beberapa bulan dulu. Aku telah memilih Hayati sebagai calon teman hidupku. Anak kampung itu sopan, pemalu dan lebih daripada itu dia warak. Pastinya anak-anak kecil kami nanti tidak perlu dihantar ke surau untuk belajar muqaddam. Ibunya pastas mengajar di rumah sahaja. Alangkah bahagia nanti!”

(Malim Ghozali Pk, 2017: 3)

Naluri kemasyarakatan juga dapat dilihat apabila watak Duah juga turut membandingkan Hayati dan Tengku Fauziah. Perbandingan dilakukan ke atas perbezaan sikap, pemakaian dan budaya Tengku Fauziah dengan Hayati seperti contohj petikan “Tengku lain sedikit orangnya. Kalaulah kejelitaan saja yang dipertandingkan, tentu sahaja Hayati tewas. Tetapi ada nilai-nilai lain yang menjelaskan kejelitaannya. Pergaulannya bebas, pakaianya tidak ketimuran dan yang paling aku tidak tahan, ialah sikap egoisnya.” (hlm. 3) .Manusia seringkali hidup berjanji dan berpegang pada janji. Naluri kemasyarakatan tentang ikatan janji terlihat ketika Duah dan Hayati berjanji untuk saling setia walaupun masing-masing berada di kejauhan. Ikatan janji ini dilafazkan oleh Duah dan Hayati untuk saling setia dan saling sayang-menayangi antara satu sama lain seperti petikan di bawah:

“Sanggupkah Yati menanti abang selama empat tahun?”

“Yati akan tetap setia pada abang. Tapi abang tentu akan lupa pada kampung ini dan Yati bila sudah jadi pegawai tinggi nanti.” Setitis air jernih tergenang di kelopak matanya.

“Abang tetap sayang pada Yati dan kampung ini. Percayalah, bila abang pulang nanti, kita

akan jadi sepasang petani moden. Kita akan usahakan tanah-tanah terbiar di kampung ini. Di sinilah perjuangan abang bermula dan berakhir."

(Malim Ghozali Pk, 2017: 5)

Kesimpulanya, naluri kemasyarakatan wujud walau di mana berada sama ada ketika watak berada di kampung atau ketika berada di luar Negara. Perjalanan tidak membatasi hubungan manusia dan cerpen "Aku di Sini, Sayang" memaparkan masyarakat yang masih mengekalkan pemikiran kedesaan walaupun mempunyai pendidikan tinggi dan masih ingin berbakti kepada keluarga di kampung dan berbudi kepada tanah air tercinta.

### **Cerpen "Nyet"**

Analisis berdasarkan gabungan naluri kemasyarakatan dan Teori Perjalanan atau pengembalaan dalam cerpen "Nyet" mendapati pengembalaan yang berlaku di dalam cerpen "Nyet" ini adalah bayangan pengembalaan pengarang sendiri. Perjalanan di luar negara merangsang pengarang mencipta cerpen "Nyet".

Cerpen "Nyet" menghidangkan persoalan kebudayaan dan hubungan antarabangsa yang dilalui oleh watak-watak yang dibina oleh malim Ghozali Pk. Naluri kemasyarakatan yang terdapat dalam cerpen "Nyet" wujud menerusi watak 'Aku' yang ingin mendapatkan bantuan daripada Mariana ketika dia berada Kutuzovsky Avenue. 'Aku' ingin mendapatkan bantuan daripada Mariana pada saat dia ingin ke Progreess Book Store dengan menggunakan teksi. Ketika berada di dalam teksi, 'Aku' tidak dapat menjawab soalan pemandu teski tersebut, malah dia mula kekok akan situasi dia dengan pemandu teksi tersebut. 'Aku' ingin sahaja mendapatkan batuan Mariani agar dia tidak perlu menghadapi situasi yang

tidak menyenangkan sekali gus memaparkan sifat kebergantungan hidup kepada orang lain sebagaimana petikan di bawah:

‘Cepat! Itu teksi!’  
“Ke mana?”  
“Park Kultur.”  
“Di mana?”  
“Progress Book Store.”  
Sepasang mata menerawang mukaku.  
Sebuah pertanyaan terpacul daripada mulut pemandu.

“Apa?”

...

Pemandu itu mengulangi pertanyaannya. Kuangkat kedua-dua bahu, dan kugeleng-gelengkan kepala. Aduh alangkah terkawalnya keadaan jikalau Mariana ada di sisiku. Tentu aku tidak terasa sebodoh ini.

(Malim Ghazali Pk, 2017: 14)

Naluri kemasyarakatan juga dapat dilihat melalui watak ‘Aku’ dan Mariani yang masing-masing merahsiakan tentang latar belakang mereka yang sebenar. Adalah menjadi sifat manusia ingin merahsiakan sesuatu daripada orang lain sebagai sempadan peribadi. Sepanjang perkenalan ‘Aku’ dengan Mariani, ‘Aku’ tidak mengetahui bahawa Mariana tinggal bersama ibunya dan mempunyai rakan bernama Dazyana. ‘Aku’ juga turut merahsiakan latar belakang dirinya kepada Mariana sebagaimana petikan di bawah:

Mungkinkah juga sepasang mata biru itu  
sengaja menyembunyikan sesuatu  
daripadaku?

Memang aku tidak pernah mencungkil hal-hal peribadinya. Cukuplah sekadar kutahu dia gemarkan warna hitam dan tinggal di Leningradsky Prospekt bersama ibu tuanya. Dan ke mana sahaja dia bergerak, ada sahaja temannya yang bernama Dazyana itu bersama. Dan cukuplah pula baginya untuk mengetahui bahawa aku ini seorang lelaki separuh umur, berkulit gelap, datang dari sebuah kota bernama Kuala Lumpur. Cukuplah dulu.

(Malim Ghazali Pk, 2017: 16)

Naluri kemasyarakatan iaitu keinginan memberi pandangan dan pendapat masing-masing tentang sesuatu perkara pula dapat dilihat melalui watak ‘Aku’ dan Dazyana yang memberi pendapat dan pandangan mereka mengenai pertunjukkan yang ditonton di Kremlin Wall. Ketika itu wujud pertelingkahan kecil dalam perbualan mereka kerana Dazyana terlalu bersikap nasionalisme pada pandangan ‘Aku’ sebagaimana petikan berikut:

“Bagaimana dengan pertunjukkan tadi, hebat kan?”

“Ya, tapi tak sehebat persembahan balet di Bolshoi,” jawab Dazyana bersahaja.

...

“Kenapa pula Bolshoi harus jadi kayu sukatnya? Orang Cina juga kulihat tak kurang seninya. Lihat sahaja postur mereka dalam Swan Dance!”

“Err, teknik, gaya ekspresi, gambaran batiniah... semuanya masih amateurish!”

“Dan lagi?”

Dazyana terasa aku memperolok-olokkannya. Dia sedar ulasannya sudah menyimpang daripada prinsip. Diteguknya air mineral kuat-kuat untuk mematikan perbualan.

(Malim Ghazali Pk, 2017: 18)

Dalam membina hubungan sesama manusia, perasaan memberi kesan psikologi kepada insan yang saling berhubungan. Justeru, dalam cerpen “*Nyet*” ini juga adalah wujud rasa sedih apabila watak ‘Aku’ dan Mariana terpaksa berpisah kerana ‘Aku’ pulang ke Kuala Lumpur. Walaupun mereka terpaksa berpisah namun ‘Aku’ dan Mariana berharap dapat bertemu kembali jika tidak di dunia mungkin diharapkan dapat berjumpa di akhirat dan petikan di bawah ini membuktikannya:

Mariana menghela nafasnya seketika. Aku tahu dia cuba menahan sesuatu di kelopak matanya. Perlahan-lahan pandanganya gugur ke kakiku. Kuramas kedua-dua bahunya dan kutanyakan kata-kata tua:  
“Jauh di mata, jauh di hati?  
“Nyet! Nyet! Kepergianmu tetap akan menyegarkan pohon rinduku....”  
“Mariana Abramova, mosyes prici komenye?”  
“Nyet, aku juga punyai tanggungjawab, sayang”  
“Nyet?”

(Malim Ghazali Pk, 2017: 23)

Kesimpulanya, naluri kemasyarakatan yang dipaparkan dalam cerpen “*Nyet*” tercetus daripada pengalaman pengarang Malim Ghozali PK dalam pengembalaan. Daripada keseluruhan cerpen ini secara umumnya didapati bahawa naluri kemasyarakatan yang dipaparkan adalah masyarakat yang masih menghargai bidang kesusateraan. Walaupun datang dari negara berbeza yang mempunyai perbezaan fahaman, perbezaan pandangan dan perbezaan unsur sastera namun minat dalam dunia sastera telah menghubungkan mereka. Sastera telah menjadi satu medium penghubung antara watak-watak yang dipaparkan dalam cerpen.

### **Cerpen “Song of September”**

Naluri kemasyarakatan dalam cerpen “*Song of September*” dikemukakan oleh Malim Ghozali PK berdasarkan pengalaman pengembalaannya yang dilalui sendiri ketika mengembala di luar negara. Cerpen ini memaparkan jalinan hubungan antarabangsa yang dilalui oleh watak-watak yang dibina di dalam cerpen.

Pengarang menerapkan naluri kemasyarakatannya terhadap watak yang bersifat saling memahami antara satu sama lain menerusi watak Christopher Merill yang memahami keadaan anaknya Gerry yang tidak boleh menjemputnya di lapangan terbang. Kesibukan anaknya sebagai akademia mendorong sifat Christopher Merill yang memahami Gerry dan sebaliknya Gerry memahami kehendak ayahnya yang telah berubah sejak bermastautin di Asia Tenggara seperti petikan berikut:

... Gerry tidak dapat menyambut kedatangannya di lapangan terbang. Katanya dia terpaksa menyelesaikan tugasannya di luar kota. Dia faham. Anaknya sudah dewasa dan punya tanggungjawab sendiri yang harus

dipikul. Sebagai seorang professor madya, dia tahu beban tugas yang harus dilaksanakan oleh anaknya sangat berat. ...

Gerry sudah faham benar tentang perubahan yang berlaku ke atas menu ayahnya. Sudah lima kali Gerry datang menjenguknya.

(Malim Ghozali Pk, 2017:109)

Dalam cerpen ini juga naluri kemasyarakatan yang bersifat merindui seseorang yang dikasihi wujud melalui watak Chistopher Merill yang merindui Danny Morrison—pembantunya yang tekun, menurut perintah dan mempunyai senyuman memikat. Kenangan lalu itulah yang telah menguatkan rasa rindu Chistopher Merill kepada mereka yang pernah hadir dalam hidupnya dan terbukti sebagaimana petikan di bawah ini:

... Masakan dia dapat melupakan masta angin! Ia mengajar bagaimana mengesan laluan itik-itik pada musim berburu di penghujung musim gugur. Dia juga tidak pernah melupakan lelaki yang hanya dipanggilnya dengan singkatan Dan. Entah dimana agaknya dia sekarang. Itu pun sekiranya dia masih hidup. Masakan dia dapat melupakan Dan, atau Danny Morrison, yang selalu menemaninya hampir di setiap perburuan. ... Dan juga adalah pembantu yang tekun di perkebunan. Sayang, dia tidak pernah bertanyakan asal usulnya atau di manakah kampung halaman lelaki itu. Baginya Dan hanyalah seorang pekerja yang tekun, menurut perintah dan mempunyai senyuman memikat.

(Malim Ghozali Pk, 2017: 111)

Selain itu naluri kemasyarakatan yang terdapat dalam cerpen ini adalah naluri untuk menikmati percintaan. Naluri ini dapat dilihat melalui watak Christopher Merill yang ingin bercinta semula selepas kematian isterinya Myriam. Perasaan sunyi meyebabkan dia jatuh cinta kepada seorang gadis bernama Zuneka. Walaupun jarak umur Christopher dan Zuneka amat ketara, namun Christopher tetap berniat untuk hidup bersama-sama dengan Zuneka seperti yang dipaparkan malim Ghazali Pk:

“...Dia merasakan telah punya semuanya, kecuali cinta. Myriam telah lama pergi dan hidupnya terasa amat kesepian. Lagipun Gerry sedang membesar dan memerlukan kasih sayang seorang itu. Dan dia merasakan Zuneka mampu memainkan peranan itu.

...

Memang, perbezaan umur antara dia dan Zuneka amat ketara.

“Umur hanyalah angka, yang penting hati....” Kata-kata sebeginilah yang mengangkat tinggi semangat serta impiannya. Dia ingin menyarungkan sebentuk cincin tanda pertunangan mereka. Tapi gadis itu minta sedikit waktu lagi.”

(Malim Ghazali Pk, 2017:119)

Dalam percintaan, perpisahan adalah lumrah. Justeru, naluri kemasyarakatan dalam cerpen ‘*Song of September*’ yang seterusnya dorongan untuk saling memaafkan antara satu sama lain. Christopher Merill memaafkan Zuneka yang pergi meninggalkannya tanpa khabar berita dan tiada ucapan selamat tinggal. Namun begitu, dia tidak berdendam atau

benci terhadap Zuneka yang menolak cintanya dan telah membuat pilihan untuk pergi bersama pilihan hatinya:

Adakah jatuh cinta kepadanya suatu kesalahan?  
Zuneka menghilang bersama selesai musim  
memetik epal. Tidak ada lagi sebarang berita  
daripadanya.

...

Apa pun dia tidak pernah membenci Zuneka atau menganggap Dan sebagai musuh, kalau benar pun dia telah merampas impian dan sebahagian besar daripada kenangan manisnya di perkebunan. Dia sudah lama memafkan Zuneka dan mendoakan agar berbahagia di samping pilihannya.

(Malim Ghozali Pk, 2017:122)

Kesimpulannya, naluri kemasyarakatan yang dipaparkan dalam cerpen “*Song of September*” merupakan hasil daripada pengalaman pengarang Malim Ghozali PK sendiri dalam pengembaraannya di luar Negara. Daripada keseluruhan cerpen ini secara umumnya pengkaji dapat bahawa naluri kemasyarakatan yang dipaparkan adalah mewakili keadaan dan peristiwa dari kehidupan watak utama iaitu Christopher Merill. Pengalaman perjalanan yang dilalui pengarang adalah kesempatan bernilai sebagai idea penciptaan cerpen yang bersifat realisme ini.

### Cerpen “L!”

Naluri kemasyarakatan yang terdapat dalam cerpen bertajuk “L!”, pula mengandungi kaitan naluri manusia untuk menukar sikap atau sifat kelelakian kepada kewanitaan. Realiti kehidupan sebenar dan pengamatan pengarang mencetuskan idea menonjolkan naluri kewanitaan di dalam diri lelaki seperti

yang dipaparkan di dalam cerpen “L!”. Cerpen ini mengisahkan masyarakat yang menukar fitrah kejadian jantina daripada lelaki kepada wanita. Pengembaraan mahupun perjalanan tersebut melalui watak Dollah dan Remy yang berasal daripada Malaysia membawa diri berhijrah ke Belanda. Perjalanan hidup di luar negara dengan latar budaya berbeza menyebabkan wujudnya naluri untuk bertukar sifat kepada kewanitaan.

Mengubah sifat kelelakian kepada naluri kewanitaan apabila berlaku perubahan fizikal Dollah dan Remy yang dahulunya seorang yang berbadan lelaki bertukar menjadi ramping dan lemah lembut seperti seorang wanita. Naluri kewanitaan yang muncul dalam diri mereka mendorong Dollah melakukan proses menukar alat sulit lelakinya. Hal ini menonjolkan bahawa teori sastera perjalanan atau pengembaraan memperlihatkan lukisan perjalanan individu yang mewarnai dan mencorakkan penceritaan yang terjadi dalam hidup sebagaimana pada petikan “...Menurut kata Remy, Dollah menjalani pembedahan membuang anunya tak lama setelah tiba di Belanda.” (Malim Ghozali Pk, 2017:171) dan “Dulu Remy tangkas. Kalau berlumba renang di sungai tidak ada sesiapa yang dapat memintasnya. Tetapi nampaknya gerak-geri temannya itu terlebih lenggok. Begitu juga dengan cara dia bertutur. Walaupun suara Remy masih garau, tetapi pengucapannya cukup lembut.” (Malim Ghozali Pk, 2017: 69).

Pengaruh persekitaran budaya di luar negara boleh mempengaruhi kehidupan seseorang dan tingkah laku juga boleh berubah. Naluri kemasyarakatan yang seterusnya yang terdapat dalam cerpen ini adalah naluri untuk melakukan perkara tidak bermoral disebabkan perjalanan yang dilakukan oleh watak. Naluri melakukan perkara tidak bermoral yang ditonjolkan melalui cerpen ini apabila terdapat golongan wanita yang melakukan perkara yang tidak bermoral seperti melayani lelaki yang mencari pelanggan di lorong-lorong. Ia mencerminkan masyarakat kehilangan nilai moral dan wanita

seharusnya bersikap pemalu, bersopan-santun serta bersifat lemah-lembut tanpa mendedahkan diri kepada nilai moral yang memudaratkan. Naluri yang mendorong ke arah melakukan perkara tidak bermoral menyebabkan jiwa mudah terpengaruh dengan budaya yang berasingan dengan budaya tempat asal seseorang hingga menjadi individu yang mengadaikan kesusilaan yang ada dalam diri. Hal ini dibuktikan pengarang menerusi petikan berikut:

...dia melihat perempuan-perempuan cantik menggamtinya dari dalam bilik-bilik kaca ada yang putih melepak, sawo matang, hitam, atau kuning langsat, dan mereka semua asyik menggamt dan melambai lelaki-lelaki yang mundar-mandir di jalan-jalan sempit di tepi terusan.

(Malim Ghazali Pk, 2017: 164)

Naluri kemasyarakatan yang seterusnya yang ditonjolkan oleh Malim Ghazali Pk ialah naluri menghargai sebuah persahabatan. Berdasarkan teori sastera perjalanan atau pengembalaan menunjukkan perjalanan, corak atau lukisan kehidupan yang dikutip sepanjang pengembalaan berlaku. Watak ‘dia’ yang datang dari Kuala Lumpur masih berhubung dengan rakan-rakan sepermainannya sewaktu kecil yang telah berhijrah ke Belanda. Naluri menghargai persahabatan menunjukkan ‘dia’ walaupun sudah jarang bertemu dengan rakan-rakannya tetapi beliau masih menghargai persahabatan yang terbina semenjak kecil itu. Pengembalaan dan perjalanan yang dilalui dalam kehidupan membina naluri kemasyarakatan dalam menghargai persahabatan. Hal ini dapat dilihat pada contoh petikan dalam hal menghargai persahabatan.

“Tetapi kata Remy dia tidak dapat menjemputnya di lapangan terbang disebabkan urusan penting yang perlu diselesaikan. Teman lamanya pasti muncul. Remy, teman lama yang sama-sama berkubang di hutan nipah..... Sah. Memang Remy yang sedang menyeberangi jalan dan trek trem yang berselirat, menuju ke arahnya.”

(Malim Ghozali Pk, 2017:167)

Kesimpulannya berdasarkan naluri kemasyarakatan yang ditonjolkan di dalam cerpen ini menunjukkan pengaruh budaya setempat dapat mempengaruhi tingkah laku masyarakat dan juga halangan masa serta jarak tidak menjadi ukuran sekiranya didalam diri memiliki naluri menghargai persahabatan kerana dengan naluri tersebut walaupun berjauhan tetap masih menyayangi dan mengingati sahabat. Walaupun pengembalaan yang jauh memisahkan, tetapi ikatan yang utuh akan terus menyatukan persahabatan walaupun terdapat perubahan yang berlaku terhadap luaran dan tautan persahabatan tidak terhalang untuk terus bersahabat.

### **Cerpen “Tika Hujan di Bogor”**

Menelusuri cerpen “Tika Hujan di Bogor” ditemui pula naluri kemasyarakatan yang menunjukkan masyarakat memiliki naluri cintakan seni. Naluri cintakan seni melalui penghayatan, pengaplikasian dan pemahaman seni itu mewujudkan perasaan menghargai keunikan, keindahan serta kreativiti hasil kesenian. Naluri cintakan seni di dalam masyarakat mewujudkan masyarakat yang menghargai nilai dan usaha insan seni. Seni boleh mewujudkan sumber pendapatan kepada sesuatu masyarakat seperti didalam cerpen ‘Tika Hujan di Bogor’ iaitu masyarakatnya memiliki naluri cintakan seni lukis. Pelukis

bersatu hati menjual hasil seni mereka serta lukisan-lukisan dapat menghiasi kawasan petempatan dan binaan kawasan masyarakat tersebut.

Hal ini akan menggambarkan Teori Perjalanan atau Pengembaraan digunakan oleh pengarang untuk pembaca menghayati budaya cintakan seni masyarakat luar sesebuah kawasan yang akan membuka minda pembaca mengenali identiti masyarakat di kawasan Bogor. Justeru, Malim Ghazali Pk mengemukakan identiti masyarakat di Bogor melalui seni lukisan. Naluri cintakan seni dalam masyarakat dalam cerpen “Tika Hujan di Bogor” yang menjadikan alam sekitar yang berada di sekeliling mereka sebagai inspirasi dan ilham dalam penghasilan lukisan mereka. Masyarakat yang memanfaatkan setiap perkara yang berlaku disekeliling mereka akan memperoleh sesuatu yang bermanfaat seperti menjiwai diri mereka dengan kesenian yang berlandaskan inspirasi alam sekitarnya.

Dalam cerpen “Hujan di Bogor”, Malim Ghazali Pk mengemukakan petikan “Di luar bangunan persidangan terdapat ramai pedagang menjual lukisan-lukisan yang hampir kesemuanya bermotifkan keindahan perbukitan di sekitar Bogor”. (Malim Ghazali Pk, 2017:175). Dan begitu juga petikan “Dari aras balkoni yang agak tinggi, lereng-lereng perbukitan persis landskap yang pernah dilihatnya di kanvas-kanvas pelukis. Dia tahu dengan berus di tangan pelukis mampu melakarkan keindahan yang luar biasa. Di mata dan di tangan sang pelukis ada daya rangsangan vidual yang luar biasa. Lebih sudah membuktikannya. Di tangannya titisan hujan, pepohonan, dan perbukitan berpadu menjadi geometri alam yang misteri”(Malim Ghazali, 2017:174)

Naluri kemasyarakatan yang lain didalam cerpen ‘Tika Hujan di Bogor’ ialah naluri mencintai suasana kedamaian hidup. Perjalanan atau pengembaraan memberi peluang kepada seseorang individu untuk mencari kedamaian hidup berlatarkan alam sekitar sebagai terapi untuk menikmati

ketenangan jiwa. Oleh itu, pengarang menerapkan naluri ini menerusi watak ‘dia’ dan Lea yang menikmati kedamaian hidup di kawasan perbukitan yang mendamaikan jiwa dan perasaan.

Naluri kemasyarakatan yang inginkan kedamaian dalam hidup ini mendorong pengarang membina plot pengembalaan ke kawasan yang asing yang memperlihatkan landskap alam yang menyegarkan jiwa. Lea yang dikenali oleh ‘dia’ melalui pengembalaannya ke Bogor dilihat sangat menghargai kedamaian kawasan perbukitan di tempat tinggalnya. Pengembalaan akan membuka minda untuk memahami naluri yang ada dalam diri masyarakat sesuatu kawasan. Hal ini dapat dilihat menerusi cerpen “Tika Hujan di Bogor” yang mencatatkan “...Kalaupada Lea, tentu dia akan bahagia. Dia memang mesra dengan hujan dan bukit. Lagipun dia berasal dari wilayah itu, kenangan-kenangan terhadap Lea terus-menerus mengusiknya sejak berada di Cisarua sejak beberapa hari lalu (Malim Ghazali Pk, 2017: 175).

Naluri kemasyarakatan yang bersifat inginkan kepastian juga dalam masyarakat apabila sesuatu persoalan diperlukan jawapan. Cerpen “Tika Hujan di Bogor” memaparkan ‘dia’ inginkan kepastian daripada Lea iaitu gadis yang dikenalinya di kawasan Bogor. Lea yang sudah lama tidak dapat dihubungi dan tidak tahu ke mana menghilangnya menambahkan lagi naluri ingin tahu di dalam diri ‘dia’ yang berada dalam tanda tanya. Suatu kepastian yang diinginkan oleh ‘dia’ daripada Lea amat diharapkan kerana persoalan yang berlegar dalam jiwanya yang menuntut suatu jawapan sudah lama terbuku dalam kehidupannya. Hal ini dapat dilihat pada petikan “Tika Hujan di Bogor” (Malim Ghazali Pk, 2017: 174) iaitu “ Pada suatu sisi yang berbeza butiran –butiran hujan menyerupai senjata-senjata tajam yang menghunjam dalam diam, sambil membisikkan kepadanya: Sesungguhnya kepedihan penantian itu amat menyakitkan. Apatah lagi yang dinantikan itu ialah

sebuah penjelasan. Dia harus mendengarnya langsung daripada mulut Lea.”

Kesedihan antara naluri kemasyarakatan yang seringkali dibina oleh pengarang terhadap watak-watak dalam sesebuah karya kreatif. Naluri kesedihan yang berlaku dalam diri ‘dia’ saat mendepani situasi yang meruntun jiwa apabila dikhabarkan berita kematian Lea. Khabar duka itu meruntun sifat kelakian ‘dia’ hingga menitiskan air mata kesedihan. Naluri kesedihan ‘dia’ menunjukkan masyarakat yang mempunyai kepelbagaiannya iaitu kegembiraan tidak hadir dalam kehidupan sepanjang masa. Malim Ghazali Pk (2016) memetik “Dia mematikan telefon, mengenakan tali pinggang keledar lalu menghenyakkan tubuhnya di kerusi. Matanya tiba-tiba terasa basah, dan sebak dadanya tidak dapat dikawal lagi. Saat itu dia teringatkan betapaperbukitan yang sering disirami hujan telah turut membasah dan menyuburkan nuraninya selama ini.” (Malim Ghazali Pk, 2017:183).

Kesimpulannya, naluri kemasyarakatan dalam cerpen ‘Tika Hujan di Bogor’ menunjukkan naluri kecintaan yang memaparkan keadaan yang menggembirakan di dalam masyarakat, tetapi naluri kesedihan juga meresap kepada jiwa pengarang menurut situasi perjalanan atau pengembalaan yang diangkatnya daripada kehidupan dan budaya luar.

### **Cerpen “Di Kantor Suryadi”**

Cerpen “Di Kantor Suryadi” menampilkan naluri kemasyarakatan yang menonjolkan rasa keterujaan terhadap kejayaan yang diperolehi watak ‘aku’. ‘Aku’ teruja dan mengagumi kejayaan negara Belanda yang memiliki kehebatan dalam pembinaan teknologi air dan angin yang telah bertapak di dunia sejak sekian lama sehingga barang teknologi tersebut sudah terlalu lama usianya, tetapi masih dapat digunakan sehingga ke hari ini.

Keterujaan yang tercetus dalam naluri pengarang menunjukkan naluri kemasyarakatan yang dapat dipelbagaikan melalui pengembaraan ke negara asing dengan melihat segala kepakaran dan juga teknologi yang terdapat di negara asing yang berkemungkinan tiada di negara Malaysia. Naluri kemasyarakatan telah diwujudkan oleh pengarang melalui naluri yang dirasai dan didalami yang dicoretkan melalui penulisan cerpen. Contoh petikan yang menunjukkan naluri keterujaan menyelami kejayaan ialah:

Malim Ghazali Pk (2017: 221) menerusi cerpen ini memetik “Sepanjang perjalanan dari Amsterdam ke Stesen Leiden, aku tidak puas-puas memerhatikan lanskap yang diwarnai oleh kuntuman tulip beraneka warna. Menurut brosur yang sempat kubaca, terdapat 3,700 tulip yang berdaftar daripada pelbagai spesies. Lading-ladang tulip di kiri kanan rel kereta api diselang-seli oleh kincir-kincir tua. Sungguhpun, sudah dimamah usia, kipas-kipasnya masih tetap berputar di tengah angin petang yang serakah. Menerusi jendela, kulihat setiap inci tanah digunakan, dan penguasaan bangsa ini terhadap teknologi cukup luar biasa. Mereka bangsa yakin ... kalau tidak masakan orang sedikit boleh menguasai orang banyak sampai ratusan tahun...” (Malim Ghazali Pk, 2017: 221).

Naluri kemasyarakatan dalam cerpen berlatar Amsterdam dan Leiden, seterusnya adalah naluri kesungguhan melakukan sesuatu perkara yang diwakili oleh watak Sur (Suryadi Basiron) yang membawa diri ke Belanda dan melanjutkan pengajian di Koninklijk Instituut voor Taal-, Landen Volkenkunde (Lembaga Ilmu Bahasa, Negara dan Antropologi Kerajaan Belanda) selepas berpisah dengan isterinya, Laila. Suryadi serius melakukan sesuatu hingga bergelar Profesor dalam budaya Nusantara dan bahasa Melayu. Malim Ghazali Pk (2016) mengemukakan petikan yang menunjukkan keseriusan seperti Suryadi iaitu “...Sungguhpun dia seorang yang pandai menggiat dan berjenaka, tapi keadaan memerlukan, dia boleh menjadi amat serius”(Malim Ghazali

Pk, 2017: 227) dan keseriusan kerajaan Belanda menerusi petikan “Kau tahu, mereka mengawal manuskrip Melayu lebih daripada mengawal emas” (Malim Ghozali Pk, 2017:228).

Cerpen “Di Kantor Suryadi” memaparkan naluri kemasyarakatan demi tanggungjawab memelihara khazanah Melayu yang terpancar pada watak-watak yang dibina pengarang. Perjalanan dan berada di Leiden memberi inspirasi kepada Malim Ghozali Pk mencipta cerpen “Di Kantor Suryadi” yang terselit budaya mencintai khazanah Melayu yang tersimpan baik di Leiden.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, analisis terhadap enam cerpen karya Malim Ghoazali Pk yang terdapat dalam naluri kemasyarakatan pengarang Malim Ghozali PK dalam bukunya yang bertajuk *Kumpulan Cerpen Song of September* memaparkan pengalaman dan pengembalaan yang dialami sendiri sepanjang pengembalaannya di luar negara. Pengalaman itu mendorong Malim Ghozali Pk menghasilkan enam cerpen yang dikaji serta menepati Teori Perjalanan dan Pengembalaan serta menepati naluri kemasyarakatan dalam Model Proses Kreatif Teksnaluri. Cerpen-cerpen yang bertajuk “Aku di Sini, Sayang”, “I!”, “Tika Hujan di Bogor”, “Di Kantor Suryadi”, “Nyet” dan “Song Of September” membawa persoalan kehidupan dan budaya yang merentas ke benua Eropah. Pengembalaan yang dilakukan oleh pengarang memberi pewajahan kepada plot, latar dan watak serta perwatakan yang terdapat dalam keenam-enam cerpen itu yang menepati ciri-ciri Teori Perjalanan atau Pengembalaan iaitu kejayaan pengarang mencipta karya kreatif disebabkan perjalanan yang dilakukan. Malim Ghozali Pk adalah pengarang pengembala yang sentiasa mencerap proses penciptaan karya kreatif dengan menggerakkan naluri dari indera kejiwaan kurniaan Allah SWT terhadapnya.

## RUJUKAN

- Abdul Rahman Embong (2011) “Pembinaan Teori Tempatan: Antara Teori Sosial Dengan Bidang Sastera”. dlm. *Sastera dan manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ghazali Din (2013) , “Peranan Persatuan Penulis Membangunkan Kesusasteraan Di Negeri Perak” dlm Jurnal Rumpun/Jilid 1/2013, 220.
- Ghazali Din et.al (2015). ”Konsep Komunikasi Dan Kepengarangan Muhammad Haji Salleh Berasaskan Model Teksnaluri” dlm Jurnal Rumpun (1): 185.
- Jujun S. Suriasumantri. (2001). *Ilmu Dalam Perspektif*. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.
- Mana Sikana. (2013). *Berdiri Di Akar Diri: Kritikan Sastera Melayu Pascamoden*. Kuala Lumpur: Institut Terjemhan & Buku Malaysia Berhad.
- Mana Sikana (2013). *Dari barat ke timur Teori Kritikan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka)
- Malim Ghozali PK. (2017). *Kumpulan Cerpen: Song of September*. Kuala Lumpur: Institut Terjemhan & Buku Malaysia Berhad.
- Vishalache Balakrishnan. (2009.) *Pendidikan Moral Untuk Universiti Dan Kolej*. Shah Alam: Arah Pendidikan Sdn Bhd.